

# Ada kaum Cina sokong

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ada kalangan masyarakat Cina yang bersetuju dengan usaha kerajaan menggalakkan pelajar menguasai bahasa Inggeris tetapi mereka tidak berani menyuarakannya apabila beberapa pertubuhan Cina membantah sehingga menjadi isu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, hakikat itu terbukti apabila beribu-

ribu pelajar Cina dihantar ibu bapa mereka belajar di sekolah di Singapura yang menggunakan pengantar Bahasa Inggeris.

"Soal bahasa ini, dia pergi Singapura belajar Bahasa Inggeris, saya baca dalam akhbar. Ini menunjukkan ada di kalangan masyarakat Cina yang bersetuju tetapi mereka ini tidak berkata apa-apa," katanya selepas merasmikan Perhimpunan

dan Simposium Generasi Felda Se-Malaysia di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di sini hari ini.

Beliau ditanya mengenai maklum balas parti komponen Barisan Nasional (BN) yang mewakili masyarakat Cina berhubung cadangan pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris tahun depan berikutan bantahan daripada pertu-

buhan Cina.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, hari ini dilaporkan berkata kira-kira 7,000 pelajar Cina di Johor berhenti sekolah di peringkat menengah setiap tahun semata-mata mahu mengikuti persekolahan dalam bahasa Inggeris di Singapura.

Jumlah itu tidak termasuk mereka yang belajar di

## tapi takut bersuara

negara jiran sejak di sekolah rendah lagi. Jumlah keseturuhan lebih besar jika pelajar dari negeri lain seperti Melaka dan Negeri Sembilan diambil kira.

Sebahagian besar pelajar terbabit menamatkan persekolahan ketika di tingkatan satu hingga tiga kerana kebanyakan sekolah menengah swasta di Singapura menyediakan asrama.

Semalam, Dr Mahathir berkata kerajaan tetap melaksanakan penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik mulai tahun depan, tetapi mungkin dengan sedikit pengubahsuaian.

Kaedah pelaksanaannya akan dikaji lebih lanjut dengan mengambil kira pandangan beberapa pihak termasuk parti komponen BN yang mewakili masya-

rakat Cina.

Sementara itu, ditanya apakah kerajaan akan mengumumkan laporan punca kebakaran Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, Perdana Menteri berkata beliau tidak tahu mengenai perkara itu.

"Itu nak kena tanya orang, saya tak tahu apa-apa (sama ada) keluar ke (atau) tak keluar lagi," katanya.